

Artikel Penyelidikan

Legasi Terakhir Seramik Atap Singgora Adiguru Kraftangan Kelantan, Noraini Jusoh

Syahida Fara Najwa Sulaimi¹, Nornadia Faqiani Mat Jaeh², Nurulannisa Abdullah^{3*}, Noor Arina Md Arifin⁴

¹ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020492376@student.uitm.edu.my;

² Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020862728@student.uitm.edu.my;

³ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; annisa@uitm.edu.my;  0000-0003-3234-9066;

⁴ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my;  0000-0002-2900-0026;

* Correspondence: annisa@uitm.edu.my; +60193633936.

Abstrak: Transkrip ini mengandungi hasil temubual bersama Puan Noraini binti Jusoh yang merupakan Adiguru Kraftangan dari negeri Kelantan. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang kraf hasil tanah iaitu pembuatan seramik atap singgora. Temubual ini diadakan secara bersemuka oleh penyelidik bersama tokoh di bengkel pembuatan seramik atap singgora yang terletak di Kampung Pengkalan Baru, Bachok, Kelantan. Temubual ini mengandungi latar belakang, kerjaya awal dan terkini tokoh serta membincangkan topik berkaitan atap singgora. Atap yang berasal daripada Thailand ini diperbuat daripada tanah liat dan kemudian teknik pembuatannya telah tersebar ke Kelantan dan Terengganu. Atap singgora ini mendapat sambutan penduduk setempat sehingga kini terutamanya di kalangan pengusaha-pengusaha resort. Reka bentuknya yang menarik dan ringan serta kelebihan atap singgora ini yang mampu menyerap air dan juga kalis bunyi semasa hujan menjadi salah satu sebab mengapa ianya unik berbanding atap lain. Sehingga kini, perusahaan atap singgora Kampung Pengkalan Baru merupakan satu-satunya yang masih terdapat di Malaysia. Oleh itu, transkrip ini bertujuan untuk memulihara pengalaman dan pengetahuan beliau tentang atap singgora yang telah dikongsikan.

Kata kunci: Kraf hasil tanah, atap singgora, temubual, Puan Noraini binti Jusoh, Kelantan



Copyright: © 2026 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, seni didefinisikan sebagai karya yang dicipta dengan bakat dan kepandaian yang luar biasa iaitu hasil daripada sesuatu ciptaan halus dan karya seni yang mempunyai nilai keindahan dan memberi kepuasan kepada peminatnya. Sebagai contohnya, lukisan, ukiran, sajak dan juga muzik. Manakala budaya adalah tingkah laku sosial dan norma yang terdapat dalam masyarakat manusia. Kesejagatan budaya ditemui di semua masyarakat manusia, ini termasuk bentuk ekspresif seperti seni, muzik, tarian, dan teknologi seperti penggunaan alat, memasak, tempat berteduh dan pakaian. Daripada kesemua pengertian ini, kebudayaan disimpulkan sebagai cara hidup manusia termasuk hasil ciptaan dan pemikiran yang sesuai dengan kehendak rohani dan jasmani yang menjadi amalan untuk kesejahteraan hidup sesuatu kelompok masyarakat.

Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang

maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Pada era globalisasi ini, dunia telah berubah dengan kemajuan teknologi yang canggih, menyebabkan amalan-amalan dan budaya tradisi menjadi semakin pupus. Rakyat Malaysia mempunyai pelbagai budaya yang mungkin membantu mereka dalam kehidupan seharian. Walaubagaimanapun, budaya yang telah dibangga-banggakan telah kian sepi. Di samping itu, terdapat kekurangan primer dan maklumat mengenai tokoh seni di Malaysia.

Antara punca seni budaya tidak mendapat sokongan daripada masyarakat umum adalah kerana ia dianggap kuno. Ini berikutan kekurangan jumlah bahan berkaitan seni budaya telah menyebabkan penceritaan tentang warisan seni budaya ini semakin berkurang. Berikutan itu, kurangnya kefahaman tentang seni budaya dalam kalangan masyarakat umum. Ini berikutan kemajuan teknologi yang semakin meningkat, masyarakat kini kurang peka tentang budaya dan tradisi yang telah diamalkan selama bertahun-tahun. Masyarakat kini lebih gemar untuk mengetahui isu sebelum memilih untuk mengkaji seni budaya warisan. Selain itu, sejarah bahasa tersebut perlu didokumentasikan agar ia menjadi rujukan pada masa hadapan.

Bagaimanapun, oleh kerana perubahan dan pengenalan teknologi baharu dalam pembinaan rumah dan seni bina yang menggunakan atap singgora di Kelantan semakin pupus kerana kemunculan bahan penutup bumbung moden seperti zink, asbestos, tanah liat bergerlis. Ini menyebabkan bakat pengusaha atap singgora dipinggirkan.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang kehidupan Tokoh Noraini binti Jusoh sebagai seorang Adiguru Seramik Atap Singgora. Objektif-objektif kajian ini adalah seperti yang dinyatakan bawah:

- i. Untuk merungkai sejarah Seramik Atap Singgora.
- ii. Untuk merungkai cara pembuatan Seramik Atap Singgora.
- iii. Untuk mengenalpasti pencapaian dan cabaran tokoh dalam kerjaya bidang seni kraftangan.

4. PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai soalan-soalan yang sangat penting untuk membantu dalam mencari maklumat yang digunakan untuk mencapai objektif-objektif kajian. Soalan-soalan tersebut adalah seperti yang telah dinyatakan di bawah:

- i. Apakah Seramik Atap Singgora?
- ii. Bagaimanakah cara pembuatan Atap Singgora?
- iii. Apakah keunikan dan kelebihan Atap Singgora?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada generasi akan datang tentang pentingnya warisan seni budaya iaitu kraftangan kepada masyarakat dan pembangunan negara kita. Budaya tradisional mencakupi amalan dan cara hidup pelbagai kaum di negara kita. Tamadun sesuatu bangsa selalunya dapat dilihat pada warisan seni budayanya. Warisan budaya ini harus dikekalkan kerana mempunyai identiti dan nilainya tersendiri. Contohnya makanan, adat resam, seni, tarian dan sebagainya. Oleh itu, warisan seni Atap Singgora ini perlu dikekalkan.

Kajian ini juga menjelaskan keistimewaan dan keunikan yang ada pada Atap Singgora. Hasil seni ini mampu menarik perhatian para peminat kraftangan dari dalam mahupun luar negara bagi tujuan koleksi, pameran ataupun kegunaan untuk senibina. Hal ini secara tidak langsungnya mampu menjana ekonomi negara kita. Kajian ini juga dapat membantu warisan seni budaya ini tersebar luas dan tidak lapuk ditelan arus pemodenan dunia. Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat seni budaya Melayu agar terus terpelihara dan berkembang, Oleh itu, kajian ini amat penting dalam memelihara dan memulihara warisan seni budaya untuk generasi akan datang.

6. TINJAUAN LITERATUR

Asal Usul Atap Singgora

Sejarah Atap Singgora bermula pada abad ke-18 dan ia merupakan produk senibina yang eksklusif untuk golongan bangsawan di Kelantan dan Terengganu pada ketika itu. Atap Singgora diimport dari Selatan Thailand iaitu Songkla, Patani dan Narathiwat. Perusahaan Atap Singgora kemudian berkembang dengan pesat di Kelantan terutama di daerah Bachok. Harganya semakin murah dan golongan awam juga berkemampuan menggunakannya bagi menggantikan atap organik. Perubahan teknologi dan kemakmuran ekonomi negara telah membawa masuk pelbagai atap dari luar negara yang berteknologi tinggi serta mudah pemasangannya. Hal ini menyebabkan sambutan pengguna terhadap Atap Singgora semakin menurun dan ramai pengusaha mula perusahaan pada akhir 1960-an. Sehingga kini, hanya terdapat sebuah keluarga dari Kampung Pengkalan Baru, Bachok yang masih mengusahakan Atap Singgora.

Proses Pembuatan Atap Singgora

Pembuatan atap singgora melibatkan beberapa proses yang memerlukan kepakaran dan kesabaran. Setiap proses pembuatan menggunakan kaedah manual tanpa bantuan mesin. Bermula dengan kerja-kerja menguli tanah, mencetak, menjemur, membina cangkuk, memampat dan akhirnya membakar, semuanya menggunakan kaedah sama yang diamalkan sejak zaman berzaman.

Pertama sekali, proses pengulian tanah liat merupakan aspek penting yang perlu dilakukan sebelum membentuk sebarang bahan seramik. Tujuannya adalah untuk menjadikan tanah liat yang berketul-ketul. Menurut Espi (1993), pengulian penting untuk memastikan tanah liat sekata, memecahkan lubang udara dan ketulan. Pengulian juga membantu mengeluarkan lubang-lubang udara yang terbentuk dalam tanah liat. Semasa tanah liat diuli, lubang udara akan pecah dan tanah liat semakin mampat. Pengulian tanah liat atap singgora dilakukan dengan kaki memandangkan jumlah tanah liat yang diperlukan adalah dalam kapasiti yang besar. Terdapat bendasing dalam tanah liat seperti ketulan batu kecil, akar kayu atau pasir kecil yang ditemui semasa pengulian dilakukan. Bendasing yang tidak dikehendaki ini dikeluarkan daripada tanah liat bagi mengelakkan kecacatan pada permukaan kepingannya. Kerja-kerja pengulian dilakukan oleh empat orang pekerja remaja lelaki pada waktu malam. Mereka mencampurkan garam halus ke dalam tanah liat sebelum pengulian dilaksanakan. Campuran garam ke dalam tanah liat dipercayai mampu menguatkan atap singgora.

Tanah liat yang disediakan oleh pekerja lelaki akan digunakan pada keesokan harinya oleh pekerja wanita yang membuat atap singgora.

Seterusnya, tanah liat yang telah siap diuli akan dipotong dengan menggunakan pengerat sebelum dimasukkan ke dalam acuan atap singgora yang telah ditabur abu sekam padi. Fungsi abu adalah untuk mengelakkan atap tanah liat daripada melekat pada acuan cetakan. Setelah dikeluarkan daripada acuan, tanah liat dimampatkan dengan menggunakan tekanan tumit kaki. Kemudian, pengerat digunakan untuk memotong lebih tanah liat pada permukaan acuan sehingga menjadikan permukaannya rata. Acuan diterbalikkan untuk mengeluarkan kepingan atap tanah liat. Setiap set atap singgora yang disusun mengandungi sebanyak 30 keping. Dalam sehari, setiap pekerja mampu mencetak sebanyak 200 sehingga 300 keping atap singgora yang mengambil masa selama empat jam. Proses seterusnya ialah menjemur dan membuat cangkuk atap singgora. Atap-atap yang telah siap dicetak kemudiannya dijemur di bawah cahaya matahari. Jika cuaca mendung, atap-atap akan dijemur pada keesokan harinya. Atap-atap disusun secara teratur, pekerja akan membina cangkuk atap singgora dengan menggunakan alat pemaui. Bendasing seperti batu kecil, akar, daun, dan kayu kecil yang ditemui pada permukaan atap akan dikeluarkan. Lubang-lubang kecil yang terbentuk, akan ditampal dengan tanah liat dan diratakan. Sekiranya bendasing tidak dikeluarkan, ia akan menyebabkan permukaan atap menggerutu dan berlubang. Bendasing tersebut penyebab yang boleh menjejaskan kualiti atap singgora. Atap-atap dijemur selama dua jam, kemudian disimpan kembali di atas rak di dalam bengkel.

Seterusnya, atap-atap yang sudah dijemur kemudiannya dibawa masuk ke dalam bengkel untuk dimampatkan dengan menggunakan pengetuk. Setiap set atap mengandungi 10 keping semasa proses mengetuk dilakukan. Permukaan yang tidak rata diketuk dengan kadar sederhana kuat agar permukaan tadi menjadi rata. Bahagian tepi atap juga diketuk agar bentuknya menjadi lebih kemas dan sempurna. Atap-atap ini kemudiannya dibiarkan kering dengan sendirinya di atas rak di dalam bengkel. Kedudukan rak yang berhampiran tanur turut mempercepatkan proses pengeringan atap pada setiap kali pembakaran dibuat. Warna atap yang lembap ialah hitam kelabu dan bertukar menjadi putih kelabu setelah kering dalam tempoh seminggu.

Akhir sekali, atap-atap yang sudah kering dimasukkan ke dalam tanur melalui bahagian atas tanur. Setelah kering, atap dimasukkan ke dalam tanur pembakaran yang menggunakan kayu getah. Tempoh pembakaran kebiasaannya memakan masa selama tiga minggu sebelum hasilnya dapat dikeluarkan dari tanur. Atap dibakar dengan suhu 1000 darjah Celsius hingga 1300 darjah Celsius. Kegagalan tanur mencapai suhu yang dikehendaki akan mengakibatkan ketidakmatangan bahan oleh sebab pembakaran yang tidak sempurna.

Bahan-Bahan Pembuatan Atap Singgora

i. Acuan

Acuan yang diperbuat daripada kayu digunakan untuk mencetak atap tanah liat. Setelah dikeluarkan daripada acuan, tanah liat dimampatkan dengan menggunakan tekanan tumit kaki.

ii. Pengerat

Pengerat yang diperbuat daripada rotan atau kayu lembut yang melengkung seperti busur pemanah. Pada hujung kayu diikat dengan menggunakan dawai besi. Saiz pengerat berukuran 30 cm panjang, 20 cm lebar dan 3 cm ketebalan kayu. Pengerat digunakan untuk memotong atau mengerat tanah liat semasa proses pembuatan atap singgora. Tanah liat dipotong dengan menggunakan alat pengerat dan kemudian dimampatkan ke dalam acuan. Selepas itu, pengerat digunakan untuk

memotong lebih tanah liat daripada aras permukaan acuan bagi menghasilkan permukaan tanah liat yang rata.

iii. *Pemaut*

Pemaut merupakan alat kecil yang diperbuat daripada buluh ataupun kayu dan digunakan untuk membuat cangkuk atap singgora. Ia berukuran 12 cm panjang, 3 cm lebar dan 0.5 cm tebal. Proses membina cangkuk adalah dengan meletakkan alat pemaut di atas permukaan kepala atap singgora, kemudian tanah liat dilipat menegak membentuk cangkuk. Tanah liat perlu berada dalam keadaan leather hard ataupun separa lembut untuk membentuk cangkuk yang sempurna. Sekiranya cangkuk dibentuk semasa atap singgora dalam keadaan kering atau dry bone, maka cangkuk akan patah.

iv. *Pengetuk*

Pengetuk digunakan untuk mengetuk permukaan kepingan atap tanah liat yang tidak rata atau tidak kemas. Kepingan atap tanah liat terlebih dahulu disusun sebanyak 30 keping sebelum proses pemampatan. Permukaan yang tidak rata atau tidak sekata akan menjadi rata setelah diketuk dengan menggunakan alat pengetuk. Bentuk alat ini seakan-akan sudip kayu yang digunakan untuk memasak nasi. Pengetuk ini berukuran 43 cm panjang, 9 cm lebar, dan 3 cm tebal. Pengetuk ini diperbuat daripada kayu meranti, seraya atau cengal.

v. *Kekuda*

Kekuda digunakan sebagai tempat untuk meletakkan kepingan atap tanah liat yang baru dikeluarkan daripada acuan. Sebanyak 30 keping atap disusun di atas satu kekuda. Hal ini dilakukan bagi memudahkan proses mengangkut, mengira dan menjemur. Setelah proses penjemuran selesai, atap tanah liat akan disusun kembali di atas kekuda untuk dibawa masuk ke dalam bengkel. Kekuda diperbuat daripada pelbagai jenis kayu seperti meranti, seraya, merbau dan cengal. Saiz kekuda ialah 36 cm panjang, 20 cm lebar, dan 3 cm tinggi.

vi. *Tanur*

Tanur merupakan peralatan yang digunakan untuk tujuan pembakaran bahan berasaskan tanah liat. Lazimnya, suhu pembakaran tanur seramik adalah antara 600 darjah Celsius sehingga 1300 darjah Celsius. Tanur juga disebut gok oleh masyarakat Kelantan. Ia merupakan peralatan yang paling penting dalam proses akhir pembuatan atap singgora. Kegagalan tanur mencapai suhu yang dikehendaki akan mengakibatkan ketidakmatangan bahan oleh sebab pembakaran yang tidak sempurna. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada pembakaran atap yang tidak sempurna, iaitu reka bentuk tanur yang tidak bersesuaian dengan kapasiti bahan, system pengaliran haba, susun atur bahan, bahan api, cara kawalan api pembakaran. Reka bentuk tanur yang baik mampu memberikan kematangan yang sekata pada atap singgora semasa proses pembakaran.

Kelebihan Atap Singgora

Kelebihan Atap Singgora adalah reka bentuk atap yang berbentuk 'V' dan corak susunan yang menarik seakan-akan sisik ikan pada bumbung rumah menambahkan nilai estetikanya. Atap singgora yang baharu mempunyai warna merah terracotta dan peredaran masa akan menyebabkan warnanya berubah menjadi kehitaman kerana diselaputi debu dan lumut. Hal ini secara tidak langsung turut menambah keunikan sesebuah rumah tradisional. Keserasian warna atap singgora yang kusam jelas berpadu mesra dengan warna kayu rumah yang digunakan. Seterusnya, jangka hayat atap singgora juga lebih lama berbanding atap organik tempatan. Menurut Zulkifli (1994), hasil teknologi pembuatan

genting telah terbukti tahan lama seperti yang dapat dilihat pada bangunan tradisi seperti rumah, istana, dan balai rakyat yang sudah menjangkau usia melebihi 150 tahun.

Seringkali pengguna berpendapat bahawa atap singgora lebih sejuk berbanding atap moden yang lain. Hal ini demikian ekoran bahan utama pembuatannya ialah tanah liat yang sesuai dengan iklim tropika. Atap singgora juga tidak menyerap dan menyimpan haba panas. Oleh kerana sifatnya yang porous dan nipis mampu menyerap air ketika hujan. Justeru, ia mampu menyejukkan ruang rumah secara semula jadi. Kepingan atap yang disusun secara bertindan mampu mengalirkan udara melalui celahan atap tersebut. Keistimewaan atap singgora juga terletak pada kaedah pembuatan secara tradisional yang diamalkan sejak dahulu. Atap singgora dihasilkan tanpa bantuan peralatan dan teknologi yang canggih semasa penyediaan tanah liat, pembuatan dan pembakarannya.

7. METODOLOGI

Dalam menghasilkan kajian ini, kaedah sejarah lisan digunakan bagi mendapatkan maklumat. Sejarah lisan merupakan satu kaedah dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan serta mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperolehi. Kaedah sejarah lisan yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui wawancara bersama dengan individu atau tokoh yang dipilih. Kaedah wawancara merupakan salah satu elemen penting dalam sejarah lisan kerana ia merupakan tradisi lisan secara turun temurun.

Pendekatan Kajian

Dalam menghasilkan kajian ini, kaedah sejarah lisan digunakan bagi mendapatkan maklumat. Sejarah lisan merupakan satu kaedah dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan serta mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperolehi. Kaedah sejarah lisan yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui wawancara bersama dengan individu atau tokoh yang dipilih. Kaedah wawancara merupakan salah satu elemen penting dalam sejarah lisan kerana ia merupakan tradisi lisan secara turun temurun.

Peserta Kajian

Tokoh untuk diwawancara dipilih oleh pengkaji setelah membuat beberapa pencarian di Internet. Tokoh yang dipilih untuk kajian ini ialah Puan Noraini binti Jusoh yang merupakan pembuat seramik atap singgora di Kelantan. Pemilihan tokoh yang dikenali dan mempunyai pengkhususan maklumat untuk diceritakan merupakan penentu kepada kejayaan maklumat yang diperolehi dalam sesebuah wawancara. Oleh itu, Puan Noraini binti Jusoh dipilih untuk kajian ini kerana hanya beliau sahaja pembuat seramik atap singgora di Malaysia. Memandangkan hanya beliau sahaja yang membuat seramik atap singgora tersebut, pengkaji tertarik untuk mewawancara beliau supaya dapat mengekalkan pengetahuan mengenai warisan seramik atap singgora bagi generasi muda seandainya tiada lagi pembuat seramik atap singgora pada masa akan datang. Selain itu, walaupun beliau merupakan Adiguru Kraftangan Seramik Atap Singgora, tidak banyak maklumat mengenai beliau di laman sosial. Hal ini membuatkan pengkaji ingin mengetahui dengan lebih mendalam mengenai Puan Noraini dan juga seramik atap singgora.

Prosedur Pengumpulan Data

Bahagian ini menerangkan prosedur dan langkah-langkah pengumpulan data yang dijalankan dalam kajian ini. Ia melibatkan proses di mana dan bagaimana data dikumpulkan, menjalankan pemerhatian ke atas sesuatu yang sedang berlangsung, merekod, mengumpul, memilih, mengasingkan data dan memahami bila ia akan digunakan. Data yang di kumpul adalah bertujus bagi mendapatkan bukti-bukti terhadap kajian yang dilakukan.

Langkah pertama adalah pengkaji mendapatkan kelulusan tokoh yang dipilih daripada pensyarah. Tindakan seterusnya apabila telah mendapatkan kelulusan daripada pensyarah ialah pengkaji mula menghubungi tokoh bagi mendapatkan persetujuan dan juga masa yang sesuai untuk sesi temubual dilakukan. Kemudian, pengkaji terlebih dahulu mencari maklumat mengenai tokoh melalui Internet untuk memperoleh maklumat dan pengetahuan bagi merangka soalan yang akan ditanya kepada tokoh pada sesi wawancara.

Sesi temubual dijalankan bersama tokoh adalah secara bersemuka di tempat yang telah dipersetujui. Semasa temubual dijalankan, perbualan antara pengkaji bersama tokoh direkod menggunakan telefon pintar.

8. HASIL KAJIAN

Hasil kajian yang didapati oleh penyelidik melalui sesi temubual yang telah dijalankan ialah:

Latar belakang Atap Singgora

Atap Singgora pada asalnya diperkenal dan dibawa masuk dari Singgora (Songkhla), sebuah wilayah di Segenting Kra, Selatan Thailand namun teknik pembuatannya telah tersebar ke Kelantan dan Terengganu yang kini kekal mendapat sambutan penduduk setempat.

Bahan-bahan dan peralatan yang digunakan dalam pembuatan Atap Singgora

Bahan utama dalam pembuatan Atap Singgora ialah tanah liat. Manakala peralatan yang digunakan termasuklah:

- i. Acuan
- ii. Pengerat
- iii. Pemaut
- iv. Pengetuk
- v. Kekuda
- vi. Tanur

Proses pembuatan Atap Singgora

Pertama sekali, proses pengulian tanah liat. Bata terhasil daripada tanah liat yang diuli lumat menggunakan mesin khas menjadi ketulan tanah liat lembut sebelum ianya diletakkan di atas acuan kekuda kayu. Kemudian, ketulan tanah liat itu terpaksa dimampatkan menggunakan kedua-dua belah kaki sebelum dipotong dengan pengerat dengan saiz ketebalan kira-kira satu sentimeter (sm). Pengerat digunakan untuk memotong lebihan tanah liat pada permukaan acuan sehingga menjadikan permukaannya rata. Hasil bata yang masih lembut dikeluarkan daripada acuannya disusun dan dijemur untuk tempoh tiga bulan sebelum dibakar. Atap ini perlu dibakar dengan suhu 1000 darjah Celsius hingga 1300 darjah Celsius.

Keunikan dan kelebihan Atap Singgora

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, terdapat banyak kelebihan atap singgora yang menjadi asbab mengapa ianya masih mendapat tempat di hati kalangan pembeli. Antaranya ialah atap singgora lebih sejuk berbanding atap moden yang lain. Atap singgora juga tidak menyerap dan menyimpan haba panas. Oleh kerana sifatnya yang porous dan nipis mampu menyerap air ketika hujan.

Selain itu, atap singgora ini juga kalis bunyi di mana ianya tidak menghasilkan bunyi yang bisings ketika hujan.



Gambar 1: Atap Singgora dijemur selepas proses pembakaran

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, diharapkan hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam pembelajaran dan penyelidikan berkaitan dengan seramik atap singgora. Di samping itu, melalui kajian ini juga Puan Noraini ada menyatakan masalah beliau semasa mengendalikan perniagaan seramik atap singgora. Diharapkan agar beliau mendapat lebih banyak sumbangan pada masa akan datang supaya dapat mengekalkan warisan seramik atap singgora agar terus berlangsung. Oleh itu, harapan penyelidik adalah semoga kajian ini dapat membuka mata semua pihak betapa pentingnya memelihara, seterusnya mengekalkan khazanah warisan nenek moyang kita daripada ditelan zaman.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, M. K., Zainun, N., & Hamid, R. A. *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara: Jilid 2 - Meneliti Kosmologi dan Adat Istiadat* (2nd ed.). Penerbit USM.
- Abdul Rahman, M. K., & Masron, T. *Merekayasa Kearifan Tempatan: Citra Seni dalam Teknologi*. Penerbit USM.
- Carian Umum*. (n.d.-a). Gov.my. Retrieved January 28, 2023, from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=+budaya&d=175768&>
- Carian Umum*. (n.d.-b). Gov.my. Retrieved January 28, 2023, from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=seni>
- Ezafel Hakimi. (2021, March 10). *TahuTuai*. Teknik dan Kaedah Sejarah Lisan– Filem Bukit Kepong. <https://tahutuai.com/teknik-dan-kaedah-sejarah-lisan-filem-bukit-kepong/>
- Mohamad, S. (2016). Atap Singgora Pada Senibina Tradisional Dan Kontemporari di Pantai Timur. *Malaysian Journal of Creative Media, Design and Technology*, 1(6). <http://www.malrep.uum.edu.my/rep/Record/my.usm.eprints.39538/Description#tabna>
- Perusahaan Atap Singgora di Bachok, Kelantan*. (n.d.). Pusat Ekonomi Digital. Retrieved January 25, 2023, from <http://beris.pjk.com.my/index.php/warga-pi1m/keusahawanan/97-atap-singgora>